

23/10/1998

Wanita luar bandar wajar dapat pengiktirafan

Jamhariah Jaafar

KUALA LUMPUR, Khamis - Dunia perlu memberi perhatian kepada wanita luar bandar yang tidak pernah menerima pengiktirafan sewajarnya walaupun lebih 60 peratus daripada mereka menjadi tulang belakang sektor perladangan dan industri hiliran.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, jika sumbangan mereka kepada sektor pengeluaran semula diambil kira, wanita luar bandar di seluruh dunia, dengan pelbagai bebanan yang terpaksa ditanggung, menyumbang kira-kira AS\$11 trilion kepada ekonomi kebangsaan dan luar bandar.

Menurut Perdana Menteri, wanita luar bandar menyumbang antara 35 hingga 45 peratus bagi Keluaran Negara Kasar setiap negara, manakala membantu mengeluarkan 50 peratus makanan di negara membangun.

"Walaupun berada dalam keadaan menyedihkan, wanita terutama dari keluarga miskin, masih menjadi penggerak utama kepada pembangunan, pengeluaran makanan dan menjaga kebajikan keluarga masing-masing," katanya berucap merasmikan mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Antarabangsa Mengenai Kemajuan Wanita Luar Bandar Ketiga (ISC) di sini, hari ini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga Presiden ISC, Penaung ISC, Ratu Fabiola dari Belgium dan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Zaleha Ismail.

Perdana Menteri berkata, dunia perlu mengiktiraf sumbangan wanita luar bandar dengan menyediakan dasar dan program bagi mengembangkan bakat, kemahiran dan pengetahuan golongan ini.

"Matlamatnya adalah untuk memperbaiki taraf hidup, meningkatkan produktiviti dan memastikan kekayaan negara diagih dengan lebih adil," katanya.

Beliau memberi contoh beberapa badan termasuk Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Jabatan Pembangunan Luar Bandar, Persatuan Kemajuan Sosial (ASA), Jawatankuasa Kemajuan Luar Bandar Bangladesh dan Grameen Bank, yang berjaya membantu ribuan wanita luar bandar di negara masing-masing.

Menurutnya, kewangan mikro, kerjasama sosial lebih meluas, khidmat kesihatan dan latihan, sudah terbukti menjadi alat paling berkesan dalam membasmi kemiskinan dan membentuk daya tahan kepada ribuan wanita miskin di luar bandar.

"Di Malaysia, kami berjaya menurunkan tahap kemiskinan daripada 49.3 peratus pada 1970 kepada 16.6 peratus pada 1990 dan 8.9 peratus pada 1995.

"Lebih banyak boleh dilakukan, terutama oleh sektor swasta, institusi R&D, agensi pembangunan antarabangsa dan kerajaan, untuk melabur dalam segmen penting sumber manusia ini dengan menggabungkan mereka sebagai kumpulan sasar dalam perpindahan teknologi, pembangunan buruh.

"Teknologi yang menjimatkan masa akan meningkatkan produktiviti," katanya.

Dr Mahathir berkata, tema mesyuarat ISC kali ini 'Kemiskinan di Kalangan Wanita Luar Bandar, Keluarga Mereka dan Masyarakat', boleh dianggap seperti satu amaran terutama dalam situasi kegawatan ekonomi.

"Kejatuhan nilai mata wang dan kemelesetan ekonomi, turut membabitkan golongan miskin di luar bandar, terutama wanita.

"Berikutan itu, saya yakin jawatankuasa ini akan mencari jalan untuk menangani masalah tambahan yang dihadapi wanita luar bandar ini, akibat krisis kewangan sekarang," katanya.

(END)